

16 Julai 2021

Penduduk yang dihormati,

TINJAUAN MENGENAI PROGRAM PENINGKATAN RUMAH - BLOK 1 HINGGA 19 TOH YI DRIVE

1 Saya telah menulis kepada anda sebelum ini pada 25 Mac 2021 tentang pembentukan Jawatankuasa Kerja bagi Program Peningkatan Rumah (HIP) untuk estet Toh Yi (Blok 1-19). Jawatankuasa ini terdiri daripada pemimpin akar umbi Rangkaian Penduduk Toh Yi dan wakil daripada HDB, Majlis Bandaran Holland-Bukit Panjang dan kontraktor / perunding reka bentuk. Peranan jawatankuasa ini adalah untuk membantu penduduk kita menyokong pelaksanaan HIP bagi estet kita.

TINJAUAN AWAL

2 HDB, bersama-sama dengan sokongan Jawatankuasa Kerja, ingin menjalankan tinjauan awal untuk mengetahui sama ada anda menyokong HIP untuk blok anda. *Ini bukanlah tinjauan HIP yang rasmi, itu akan diadakan kemudian.*

UNDI ANDA PENTING

3 **HIP boleh diteruskan hanya jika sekurang-kurangnya 75% keluarga yang layak dalam setiap blok anda mengundi 'Ya'.** Dengan sekurang-kurangnya 75% undian 'Ya' untuk blok, semua penduduk blok akan dapat menikmati item peningkatan asas, pilihan dan EASE. Keluarga-keluarga masih boleh memilih untuk dikecualikan daripada item pilihan dan peningkatan EASE jika mereka tidak memerlukannya. Blok yang tidak mencapai 75% ambang undian "Ya" tidak akan dapat memperoleh HIP, termasuklah peningkatan asas.

SKOP KERJA HIP

4 HIP terdiri daripada tiga komponen: item Peningkatan Asas, Pilihan dan Peningkatan Bagi Warga Emas Aktif (EASE).

<p>a) <u>Item Peningkatan Asas:</u></p> <p>i) Perbaiki konkrit spalling di dalam flat</p> <p>ii) Perbaiki retakan struktur di dalam flat</p> <p>iii) Penggantian paip sisa besi tuang*</p> <p>iv) Penggantian soket paip yang sedia ada (untuk meletakkan tiang penyidai baju) dengan rak pengering baju yang baharu**</p> <p>*Jika paip buangan/kumbah anda ialah UPVC, pemeriksaan akan dijalankan dan paip akan digantikan hanya jika terdapat kebocoran atau retakan.</p> <p>**Bagi unit yang tiada soket paip untuk digantikan, (iaitu unit Maisonnette Eksekutif), rak baharu <u>tidak</u> akan dipasang.</p> <p>Pemerintah akan membiayai sepenuhnya kos Peningkatan Asas untuk keluarga warganegara.</p>	<p>b) <u>Item Peningkatan Pilihan:</u></p> <p>i) Peningkatan tandas</p> <p>ii) Penggantian pagar kekisi</p> <p>iii) Penggantian pintu masuk[#]</p> <p>iv) Penggantian corong pelongsor sampah</p> <p>Bagi Peningkatan Pilihan, anda boleh mengeluarkan item dengan pengurangan dalam bayaran bersama.</p> <p>[#]Unit dengan Pintu Masuk Rintangan Api tidak perlu memilih Penggantian Pintu Utama. Jumlah yang perlu dibayar oleh pemilik akan dikurangkan sewajarnya.</p>	<p>c) <u>Item Peningkatan EASE:</u></p> <p>i) Rawatan tahan gelincir pada jubin lantai sehingga dua tandas/bilik air</p> <p>ii) Pemasangan bar genggam</p> <p>iii) Pemasangan tanjakan[^]</p> <p>[^] Tanjakan (satu tangga) disyorkan untuk pengguna kerusi roda dan angka sebenar yang ditawarkan akan ditentukan berdasarkan kebolehlaksanaan teknikal/keadaan tapak.</p> <p>Sekiranya anda sudah memasang bar genggam/membuat rawatan tahan gelincir pada satu tandas/bilik air di bawah <u>EASE (Permohonan Terus)</u>, anda boleh memohon untuk item ini dipasang dalam tandas/bilik air kedua. Walau bagaimanapun, jika anda sudah memasang item ini pada kedua-dua tandas/bilik air dan tanjakan di bawah <u>EASE (Permohonan Terus)</u>, item ini tidak akan ditawarkan kepada anda di bawah HIP.</p> <p>Bagi Peningkatan EASE, anda boleh memilih item berdasarkan keperluan dan membuat bayaran bersama untuk item ini.</p>
--	--	---

ANGGARAN KOS DAN PEMBAYARAN

5 Kerja HIP disubsidi Pemerintah. Keluarga-keluarga hanya perlu membayar suku daripada jumlah kos. Sila lihat Lampiran 1.

6 HDB juga menyediakan skim bantuan kewangan untuk membantu pemilik flat bagi pembayaran kos peningkatan. Sila rujuk Lampiran 2 untuk maklumat skim bantuan kewangan.

7 Garis masa pelaksanaan HIP kita berkemungkinan besar terjejas oleh kesan terhadap seluruh industri akibat pandemik Covid-19 bagi sektor pembinaan, walaupun kami meneruskan dengan tinjauan awal dan persediaan lain. Kami berharap anda dapat memahami jika pelaksanaan ini ditangguhkan.

CARA MENYERTAI TINJAUAN AWAL

8 HIP sangat dinanti-nantikan oleh penduduk Toh Yi dan kami berharap tinjauan rasmi nanti¹ akan menggambarkan keutamaan penduduk kita dengan tepat. Oleh itu, kami menggalakkan semua keluarga untuk turut serta dalam tinjauan awal.

9 Sekiranya anda menyokong HIP, sila nyatakan 'Ya' dalam borang tinjauan. Hanya dengan sekurang-kurangnya 75% undian 'Ya' untuk seluruh blok semasa tinjauan rasmi diadakan, barulah semua penduduk blok dapat menikmati item asas, pilihan dan peningkatan EASE.

10 Sekiranya anda tidak menyokong HIP, sila nyatakan 'Tidak' dalam borang tinjauan. Ini bermakna keluarga anda menolak HIP sepenuhnya. Jika blok anda mendapat kurang daripada 75% undian 'Ya' semasa tinjauan rasmi, seluruh blok tidak akan dapat menikmati sebarang item peningkatan HIP.

11 Sila nyatakan pilihan anda pada borang tinjauan yang dilampirkan dan hantar borang ke alamat berikut sebelum **16 Ogos 2021** :

Cawangan Clementi HDB
Blk 453 Clementi Ave 3 #02-01
Singapura 120453

12 Selain itu, anda juga boleh **e-melkan** borang yang dilengkapkan melalui laman web kami di www.hdb.gov.sg/efeedback atau **imbaskod QR** pada borang tinjauan yang dilampirkan untuk melengkapkan tinjauan ini dalam talian.

13 Saya menanti-nantikan penyertaan anda dengan penuh harapan. Mari kita bekerjasama untuk menjadikan estet kita tempat tinggal yang lebih baik untuk anda dan keluarga anda.

Yang benar



Pn Sim Ann

Penasihat Akar Umbi bagi Organisasi Akar Umbi Bukit Timah

Enc

1 Hanya keluarga Warganegara Singapura akan layak untuk mengundi dalam tinjauan rasmi

**PROGRAM PENINGKATAN RUMAH
KOS DAN PEMBAYARAN
BLOK APARTMENT 1 HINGGA 19 TOH YI DRIVE**

Bahagian Anda bagi Kos Peningkatan

Bahagian anda bagi kos peningkatan dan skim pembayaran semula bergantung kepada sama ada keluarga anda merupakan:-

- | | |
|---|--------------------------------------|
| 1 | Keluarga Warganegara Singapura; atau |
| 2 | Keluarga Penduduk Tetap Singapura. |

1 Keluarga Warganegara Singapura

Disebabkan pihak Pemerintah akan memberikan subsidi bagi sebahagian besar kos HIP, maka pemilik flat Warganegara Singapura akan membayar sebahagian kecil kos tersebut. Di samping itu, terdapat skim pembayaran semula yang mudah untuk menjadikan peningkatan dimampui.

a) Anggaran Kos yang perlu dibayar oleh Keluarga Warganegara Singapura

Jenis Flat	3 Bilik	4 Bilik	5 Bilik	Apartmen Eksekutif	Maisonnette Eksekutif
<i>Peningkatan Pilihan</i>					
<i>(Kos Keseluruhan: \$11,000)</i>					<i>(Kos Keseluruhan: \$15,550)</i>
Bahagian Pemilik	5% (\$550)	7.5% (\$825)	10% (\$1,100)	12.5% (\$1,375)	12.5% (\$1,943.75)
Bahagian Pemerintah	95% (\$10,450)	92.5% (\$10,175)	90% (\$9,900)	87.5% (\$9,625)	87.5% (\$13,606.25)

Jenis Flat	3 Bilik	4 Bilik	5 Bilik	Apartmen Eksekutif	Maisonnette Eksekutif
<i>Peningkatan EASE (Kos Keseluruhan: \$2,500)</i>					
Bahagian Pemilik	5% (\$125)	7.5% (\$187.50)	10% (\$250)	12.5% (\$312.50)	12.5% (\$312.50)
Bahagian Pemerintah	95% (\$2,375)	92.5% (\$2,312.50)	90% (\$2,250)	87.5% (\$2,187.50)	87.5% (\$2,187.50)
<i>Peningkatan Asas (Kos Keseluruhan: \$2,900)</i>					
Bahagian Pemilik	0% (\$0)				
Bahagian Pemerintah	100% (\$2,900)				

Jumlah yang perlu dibayar oleh pemilik flat tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Semua jumlah yang dinyatakan ialah anggaran sahaja. Jumlah akhir akan ditentukan sebaik sahaja kerja peningkatan dilengkapkan.

b) Anggaran Pembayaran Semula Bulanan oleh Keluarga Warganegara Singapura

Pembayaran Pemilik bagi Peningkatan Pilihan	3 Bilik	4 Bilik	5 Bilik	Apartmen Eksekutif	Maisonnette Eksekutif
Pembayaran satu kali	\$550	\$825	\$1,100	\$1,375	\$1,943.75
Pembayaran Semula selama 5 Tahun (bulanan)*	\$11	\$16	\$21	\$27	\$37
Pembayaran Semula selama 10 Tahun (bulanan)*	\$6	\$9	\$12	\$14	\$20

Pembayaran Pemilik bagi Peningkatan EASE	3 Bilik	4 Bilik	5 Bilik	Eksekutif
Pembayaran satu kali	\$125	\$187.50	\$250	\$312.50
Pembayaran Semula selama 5 Tahun (bulanan)*	\$2.40	\$3.60	\$4.80	\$6.00
Pembayaran Semula selama 10 Tahun (bulanan)*	\$1.30	\$1.90	\$2.60	\$3.20

*Indikator berdasarkan kadar faedah konsesi HDB semasa berjumlah 2.60% p.a., (iaitu faedah yang dikenakan setiap bulan pada baki pinjaman yang tertunggak pada permulaan bulan), serta termasuk 7% GST semasa. Bill sebenar akan berdasarkan kadar faedah konsesi HDB dan GST yang dikenakan.

2 Keluarga Penduduk Tetap Singapura

Pemilik flat Penduduk Tetap Singapura tidak layak untuk mengundi. Anda perlu membayar semua kos Program Peningkatan Rumah jika blok anda berjaya diundi masuk dalam program.

Pembayaran Balik Subsidi Peningkatan

HDB akan membayar balik subsidi peningkatan kepada anda sekiranya anda atau mana-mana pemilik bersama anda menjadi Warganegara Singapura dalam tempoh setahun dari tarikh pengebilan, dengan syarat anda masih merupakan pemilik flat. Sekiranya anda membayar kos peningkatan dengan ansuran bulanan, kadar faedah juga akan ditukar daripada kadar faedah pasaran HDB kepada kadar faedah konsesi pada bulan berikutnya mengikut tarikh anda menjadi Warganegara Singapura.

Maklumat yang diberikan oleh HDB

Pembayaran Bahagian Anda bagi Kos Peningkatan

Anda hanya akan mula membayar peningkatan selepas semua kerja peningkatan selesai. Pembayaran boleh dibuat secara sekaligus atau melalui ansuran bulanan selama satu hingga sepuluh tahun. Faedah akan dikenakan untuk pembayaran secara ansuran. Bagi keluarga Warganegara Singapura, faedah akan dikenakan pada kadar faedah konsesi HDB. Bagi keluarga Penduduk Tetap Singapura, faedah akan dikenakan pada kadar faedah pasaran HDB.

Anda boleh menggunakan wang tunai atau simpanan CPF anda (bagi pemilik flat sahaja) untuk membayar bahagian kos peningkatan anda. Untuk kemudahan anda, anda digalakkan untuk membayar melalui GIRO jika anda tidak membayar ansuran bulanan anda dengan CPF. Sekiranya anak anda bukan pemilik bersama flat tersebut, maka anak anda boleh menambah nilai Akaun Persaraan anda jika anda dan anak anda layak di bawah 'Penambahan Nilai Skim Jumlah Minimum CPF' yang sedia ada. Anda boleh menggunakan sebahagian atau semua wang bulanan yang dikeluarkan daripada Skim Jumlah Minimum untuk membayar ansuran bulanan kos peningkatan.

Skim Bantuan Kewangan

Bantuan kewangan akan diberikan kepada:

- Pemilik flat yang pendapatan isi keluarga bulanan secara kasar tidak melebihi \$2,000
Anda boleh melanjutkan tempoh pembayaran semula sehingga maksimum 25 tahun.
- Pemilik flat berusia 55 tahun dan ke atas
Pembayaran balik kos peningkatan anda boleh ditangguhkan dengan faedah sehingga flat anda dijual atau dipindah milik kepada pemilik lain. Namun, anda mestilah menggunakan simpanan CPF anda terlebih dahulu (jika ada) melebihi jumlah minimum CPF untuk membayar kos peningkatan sebelum baki jumlah boleh ditangguhkan dengan faedah.
- Bagi pemilik flat yang mengalami kesukaran kewangan
Berdasarkan merit setiap kes, HDB boleh menimbangkan untuk menangguhkan pembayaran dengan faedah selama setahun (tertakluk pada semakan tahunan) atau sehingga flat dijual atau dipindah milik kepada pemilik lain.

Maklumat yang diberikan oleh HDB

Sila lengkapkan borang ini dan kembalikan kepada Cawangan Clementi HDB sebelum **16 Ogos 2021**
Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi kami di No. Tel 6395 5587 atau 6395 5807 atau hantar maklum balas anda melalui laman web kami di www.hdb.gov.sg/efeedback.

**PROGRAM PENINGKATAN RUMAH
BORANG TINJAUAN**

Kepada: Cawangan Clementi HDB
Blk 453 Clementi Ave 3 #02-01
Singapura 120453

Program Peningkatan Rumah untuk Blok 1 hingga 19 Toh Yi Drive

Nama Pemilik : _____

Alamat : Blk _____ Toh Yi Drive

Unit : # _____ - _____

No Telefon Bimbit : _____ E-mel: _____

No Telefon Rumah : _____ No Telefon Pejabat : _____

Pilihan saya adalah [Sila tandakan (v)]:

Ya, saya bersetuju dengan Program Peningkatan Rumah (HIP)

Tidak, saya tidak mahukan sebarang item daripada Program Peningkatan Rumah (HIP)

Komen (jika ada)

Tandatangan: _____

Nota: Anda juga boleh menghantar jawapan tinjauan anda dalam talian melalui kod QR atau laman web di bawah. Sila hantar 1 sahaja jawapan tinjauan bagi setiap keluarga.



<https://go.gov.sg/tohyihipsurvey>